

# WACANA PNC

Wadah Ucapan: Menyatu Aspirasi, Mengungkap Visi, Memperkasa Komuniti



**PROF. DR.  
SALMIAH  
KASOLANG**

**PENOLONG NAIB  
CANSELOR  
(KEUSAHAWANAN)**

**AKADEMI PEMBANGUNAN  
PKS & KEUSAHAWANAN  
MALAYSIA (MASMED)**

Edisi 1/2024



0 34581 84028 54 2

## Wacana PNC 20

7 Disember 2024 | SMART CLASSROOM, BANGUNAN ZETA,  
UITM CAWANGAN PERAK, KAMPUS TAPAH

### PROGRAM PENGANUGERAHAN HAB e-USAHAWAN MDEC DAN BENGKEL KEMAHIRAN DIGITAL MEDIA SOSIAL UNTUK PELAJAR OKU

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Selamat  
sejahtera, Salam UiTM di hatiku dan Salam Malaysia MADANI.

Pertamanya, saya ingin menzahirkan rasa syukur ke hadirat Allah  
SWT kerana dengan rahmat dan izin-Nya, kita dapat bersama-  
sama dalam majlis perasmian yang menyemarakkan semangat  
keusahawanan digital khusus buat golongan istimewa pada hari  
ini. Momen ini bukan sahaja mencerminkan usaha kolektif kita  
untuk meningkatkan kesedaran keusahawanan digital, tetapi juga  
untuk mengiktiraf potensi besar yang ada dalam kalangan  
istimewa untuk menjadi usahawan berjaya.

Hadirin yang dihormati sekalian,

Ternyata dalam marcapada yang serba canggih ini, digitalisasi  
telah menjadi satu keperluan dan bukan lagi pilihan. Peluang  
yang ditawarkan oleh dunia digital tidak mengenal batasan, dan  
ianya memerlukan kesediaan dan kemahiran untuk  
dimanfaatkan. Ia merupakan satu platform yang memberi ruang  
kepada semua, termasuk golongan istimewa, untuk berinovasi  
dan mencipta peluang perniagaan.

Keusahawanan digital adalah satu medan yang menawarkan  
kebebasan dan alternatif kepada golongan istimewa dalam  
melaksanakan perniagaan mereka, di mana mereka boleh  
memasarkan produk dan perkhidmatan mereka secara dalam  
talian tanpa batasan fizikal.

Di MASMED, misi kami adalah untuk membangunkan minda  
keusahawanan dalam kalangan individu dari pelbagai latar  
belakang, termasuklah mereka yang kelinan upaya. Melalui  
program-program yang dirancang, kami ingin memastikan  
bahawa golongan istimewa tidak terpinggir dalam revolusi digital  
ini. Pelbagai modul latihan dan bengkel telah dan akan diadakan  
untuk memberi pengetahuan serta kemahiran berkaitan  
keusahawanan digital. Ini termasuk pendedahan kepada platform  
e-dagang, pemasaran digital, pengurusan media sosial, dan  
kemahiran teknikal lain yang diperlukan untuk memulakan dan  
mengembangkan perniagaan dalam talian.



Sebagai contoh, Program seperti Training of  
Trainers (ToT) yang kita adakan hari ini,  
lainya merupakan salah satu aktiviti yang  
dijalankan secara berkala, dan dilihat sangat  
relevan dalam memperkasakan peranan  
MASMED sebagai peneraju agenda  
keusahawanan di seluruh sistem UiTM. Saya  
yakin bahawa panel-panel yang hadir di sini  
hari ini sangat bersemangat untuk berkongsi  
segala ilmu dan pengalaman masing-masing  
tentang teknologi digital dan bagaimana ia  
boleh memberi impak positif kepada  
pendidikan kita khususnya untuk golongan  
istimewa.



## Hadirin yang saya mulakan,

Melalui program ini, kami berhasrat untuk memberi kepercayaan kepada golongan istimewa bahawa mereka juga mampu untuk berdaya saing di pasaran digital yang kompetitif. Salah satu matlamat utama program ini adalah untuk mencipta lebih ramai usahawan golongan istimewa yang bukan sahaja mampu menjana pendapatan sendiri, tetapi juga menyumbang kepada ekonomi negara. Dengan kemahiran yang dipelajari, mereka bukan sahaja dapat menceburlkan diri dalam bidang keusahawanan, tetapi juga berpeluang untuk menjadi inspirasi kepada individu lain dalam komuniti mereka.

MDEC, atau Malaysian Digital Economy Corporation, telah berkolaborasi dengan MASMED untuk menganjurkan inisiatif dan program latihan khusus bagi golongan istimewa. Kerjasama ini adalah bukti bahawa kami komited untuk memupuk penyertaan golongan istimewa dalam ekonomi digital. MDEC sentiasa menyediakan platform dan sumber yang diperlukan oleh MASMED untuk melaksanakan program ini dengan berkesan.



Kewujudan hab e-usahawan dengan kerjasama MDEC ini dilihat akan dapat meningkatkan kompetensi dan daya keusahawanan kumpulan enablers yang terdiri daripada ahli akademik dan pentadbir bagi memastikan agenda keusahawanan IPT dapat dilaksanakan sebaik mungkin dan membolehkan IPT melaksanakan strategi yang lebih pro-keusahawanan.

Untuk makluman semua, MDEC telah menganugerahkan 9 Hab E-USahawan di UiTM dan UiTM Tapah merupakan salah satu kampus yang menerima hab tersebut. Semoga dengan penubuhan Hab ini dapat merancakkan lagi program-program keusahawanan di kalangan warga UiTM dan juga komuniti setempat.

Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengesah semua pihak, terutamanya organisasi dan agensi tempatan serta individu yang memiliki kepakaran dalam bidang digital, untuk bersama-sama menyokong usaha ini.



Adalah penting untuk kita mencipta satu lingkungan di mana golongan istimewa dapat merasakan bahawa mereka dihargai dan mempunyai tempat dalam dunia perniagaan. Kita perlu mencipta kesedaran bahawa keusahawanan tidak terbatas pada golongan yang tidak mempunyai sebarang kekurangan, tetapi juga untuk mereka yang berupaya dan berkelayakan untuk berdaya saing.



### Hadirin yang saya hormati,

Seiring dengan usaha ini, kita juga perlu memberikan sokongan kepada mereka yang telah berjaya dalam bidang keusahawanan digital. Kami telah menyaksikan pelbagai kisah kejayaan daripada golongan istimewa yang telah membuktikan bahawa tiada halangan untuk mencapai kejayaan. Kisah-kisah ini perlu diangkat dan dikongsi sebagai bukti bahawa dengan usaha, ketekunan, dan sokongan, setiap individu, tanpa mengira latar belakang, pasti kita dapat mencapai kejayaan yang diimpikan.

Saya percaya bahawa dengan kerjasama semua pihak, kita dapat mewujudkan budaya keusahawanan yang inklusif di negara kita.

Marilah kita bersama-sama memastikan bahawa golongan istimewa ini tidak hanya menjadi penerima bantuan, tetapi juga sebagai penggerak ekonomi dan pencipta peluang.

Sebelum saya mengakhiri ucapan ini, saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada semua atas inisiatif, usaha gigih dan kerjasama tidak berbelah bahagi dalam memastikan program pada hari ini dapat direalisasikan. Semoga Allah SWT membalas kebajikan dan yang diberi dengan ganjaran nikmat terbaik di dunia dan di akhirat.



Akhir kata, dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini merasmikan PROGRAM PENGANUGERAHAN HAB e-USAHAWAN MDEC DAN BENGKEL KEMAHIRAN DIGITAL MEDIA SOSIAL pada kali ini.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah Wasalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Terima kasih.



# Hubungi Kami

**Akademi Pembangunan PKS dan  
Keusahawanan Malaysia (MASMED)**

Kompleks Usahawan  
Universiti Teknologi MARA  
40450 Shah Alam  
Selangor



+603-5543 5665 / 5660



<https://masmed.uitm.edu.my>



[korporatmasmed@uitm.edu.my](mailto:korporatmasmed@uitm.edu.my)



Kompleks Usahawan, UiTM



**KOMPLEKS  
USAHAWAN**